KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERHORMAT TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

MAJLIS PENUTUPAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN DI HUTAN SIMPAN PASIR PANJANG, NEGERI SEMBILAN

BERTEMPAT DI:

DEWAN SEMINAR,
PD FOREST@SG.MENYALA

PADA :

14 OGOS 2026 (JUMAAT)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Yang Berbahagia Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah,
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Haji Roslan bin Rani
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berusaha Ts. Mohd Yussainy bin Md. Yusop,
Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan

Yang Berusaha Dr. Aldrich Richard,
Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Yang Berusaha Prof Madya Dr. Amirrudin bin Ahmad,
Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Terengganu
merangkap Ketua Ekspedisi

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

Penyelidik-penyelidik dari Pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan swasta, Jabatan Kerajaan, Institusi Penyelidikan dan NGO's

Serta Urus Setia Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Pasir Panjang, Negeri Sembilan

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menyempurnakan Majlis Penutupan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Pasir Panjang, Negeri Sembilan.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, para penyelidik, urus setia serta semua pihak yang telah menjayakan ekspedisi ini.

3. Ekspedisi seperti ini mengingatkan kita bahawa usaha menjaga biodiversiti tidak boleh digalas oleh satu pihak sahaja. Ia memerlukan ilmu, kepakaran dan kerjasama daripada Kerajaan, penyelidik, komuniti serta masyarakat secara keseluruhannya.

HUTAN SEBAGAI KHAZANAH NEGARA DAN ASET STRATEGIK

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Malaysia amat bertuah kerana dikurniakan kekayaan biodiversiti dan hutan tropika yang sangat bernilai. Sejak Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, kita kekal komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan dan litupan pokok.

5. Komitmen ini bukan hanya tentang keluasan hutan yang dapat kita kekalkan. Yang lebih penting ialah bagaimana hutan itu terus dijaga,

biodiversitinya dilindungi dan manfaatnya dapat dirasai oleh generasi hari ini serta generasi akan datang.

6. Usaha ini terus diperkukuh melalui Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022–2030. Dasar ini menjadi antara panduan penting untuk memastikan biodiversiti negara terus dipelihara, diurus dan dimanfaatkan secara lestari.

7. Kerajaan Persekutuan turut menyediakan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* atau EFT bagi membantu Kerajaan Negeri melaksanakan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan serta biodiversiti.

8. Bagi Negeri Sembilan sahaja, lebih RM54.96 juta telah disalurkan melalui EFT bagi tempoh 2019 hingga 2026. Bagi saya, yang penting bukan sekadar jumlah yang disalurkan, tetapi bagaimana ia dapat diterjemahkan kepada usaha pemuliharaan yang benar-benar memberi kesan di lapangan.

9. Dalam masa yang sama, tanggungjawab kita terhadap biodiversiti juga melangkaui sempadan negara. Malaysia terus mendukung komitmen di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi dan Kerangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal dalam memperkukuh usaha pemuliharaan biodiversiti.

10. Hutan juga merupakan antara penyerap karbon semula jadi yang penting. Jadi apabila kita menjaga hutan, kita bukan sahaja melindungi biodiversiti, tetapi turut menyumbang kepada usaha negara menangani perubahan iklim dan memenuhi komitmen di bawah Perjanjian Paris.

11. Kita juga perlu melihat biodiversiti sebagai satu aset yang mempunyai potensi lebih luas. Dengan pengurusan yang bertanggungjawab dan berasaskan sains, ia boleh menyokong penyelidikan, bioekonomi, penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan ekopelancongan yang mampan.

12. Sebab itu nilai hutan sebenarnya jauh melangkaui apa yang kita nampak. Ia berkait dengan biodiversiti, iklim, sumber air, ekonomi dan akhirnya kesejahteraan masyarakat kita sendiri.

KEPENTINGAN EKSPEDISI SAINTIFIK

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Dalam konteks Hutan Simpan Pasir Panjang, ekspedisi ini memberi peluang untuk kita mengenali kawasan ini dengan lebih dekat, bukan sahaja apa yang ada di dalamnya, tetapi juga nilai dan potensi yang perlu kita fahami serta pelihara.

14. Sepanjang lima hari ini, pelbagai maklumat berkaitan biodiversiti, geologi, sosioekonomi dan ekopelancongan telah dikumpulkan. Semua ini penting untuk menambah pengetahuan kita tentang Hutan Simpan Pasir Panjang dan membantu pengurusannya pada masa hadapan.

15. Tetapi semua data dan maklumat itu tidak datang dengan sendirinya. Di belakangnya ada para penyelidik yang turun ke lapangan, meredah hutan, menjalankan pemerhatian, mengumpul sampel dan mendokumentasikan apa yang ditemui.

16. Saya amat menghargai masa, tenaga dan kepakaran yang telah dicurahkan sepanjang ekspedisi ini. Kerja seperti ini mungkin tidak selalu dilihat oleh orang ramai, tetapi hasilnya sangat penting dalam membantu kita memahami khazanah alam yang kita ada.

17. Bagi saya, nilai sebenar sesuatu ekspedisi saintifik bukan hanya pada jumlah spesies atau penemuan yang berjaya direkodkan. Yang lebih penting ialah apa yang kita lakukan dengan ilmu yang diperoleh selepas ini.

18. Hasil ekspedisi perlu membantu kita memperkukuh inventori biodiversiti, merancang pengurusan hutan dengan lebih baik dan mengenal pasti kawasan yang memerlukan perhatian serta perlindungan.

19. Saya berharap segala dapatan ini dapat terus dianalisis, didokumentasikan dan dikongsikan dengan pihak berkepentingan. Jangan biarkan ilmu yang telah dikumpulkan berhenti setakat laporan, tetapi dimanfaatkan untuk membantu kita membuat keputusan yang lebih baik dan berasaskan sains.

KOMITMEN DAN PERANAN BERSAMA

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam akan terus memberikan perhatian dan sokongan kepada usaha pemeliharaan biodiversiti negara. Tetapi kita juga sedar bahawa **usaha ini tidak boleh digerakkan oleh Kerajaan sahaja**.

21. Kita memerlukan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan, universiti, institusi penyelidikan, pertubuhan bukan Kerajaan, sektor swasta dan komuniti.

22. Saya berharap jaringan yang telah terbina melalui ekspedisi ini tidak berakhir apabila kita bersurai hari ini. Teruskan penyelidikan, perkongsian data dan kepakaran supaya manfaat daripada ekspedisi ini dapat berkembang lebih jauh.

23. Pada masa yang sama, ilmu tentang biodiversiti tidak seharusnya hanya berada dalam laporan, jurnal atau bilik seminar. Kita perlu membawa ilmu ini lebih dekat kepada masyarakat supaya mereka faham apa yang kita ada dan mengapa ia perlu dijaga.

24. Saya percaya apabila masyarakat memahami nilai alam di sekeliling mereka, rasa tanggungjawab untuk menjaganya juga akan tumbuh. Kerana akhirnya, usaha memelihara alam bukan hanya tentang dasar

atau penguatkuasaan. Ia tentang apa yang kita mahu tinggalkan kepada generasi selepas kita.

PENUTUP

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya merakamkan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, para penyelidik, peserta, urus setia serta semua yang telah menjayakan ekspedisi ini.

26. Ekspedisi ini mungkin berakhir hari ini, tetapi kerja kita tentunya tidak berhenti di sini. Saya berharap ilmu dan penemuan yang dibawa pulang akan terus dimanfaatkan untuk menjaga Hutan Simpan Pasir Panjang dan memperkukuh usaha pemuliharaan biodiversiti negara.

27. Hutan yang kita warisi hari ini bukan milik generasi kita sahaja. Amanah kita adalah memastikan generasi selepas kita masih berpeluang mengenali, menikmati dan mendapat manfaat daripada khazanah yang sama.

Izinkan saya menitipkan serangkap pantun:

Burung merpati terbang berkawan,
Hinggap sebentar di pohon meranti;
Khazanah alam terus dipertahan,
Untuk diwarisi generasi nanti.

28. Dengan lafaz mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Majlis Penutupan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Pasir Panjang, Negeri Sembilan.**

Sekian,

Wabillahi-taufik-walhidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.